

PERANCANGAN PEMBANGUNAN PERTANIAN BERPADU NEGERI MELAKA  
(M.I.A.D.P.) DI DALAM PEMBANGUNAN  
SEKTOR PERTANIAN NEGERI.

Oleh:  
Abdul Razak Hj. Mohamed  
Mohd. Yazid Ismail

Kertas projek ini dikemukakan kepada Kajian Pentadbiran  
Dan Undang-undang, kursus Diploma Pentadbiran Awam, Institut  
Teknologi Mara Cawangan Melaka bagi memenuhi sebahagian  
syarat bagi mendapatkan diploma..

OKTOBER 1988.

## PENGHARGAAN

Kami ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada En. Musa bin Ahmad, selaku Penyelia kumpulan ini. Tidak lupa juga ucapan ribuan terima kasih kepada En. Shaharuddin bin Baharuddin, selaku Penasihat yang telah banyak menyumbangkan masa beliau di dalam usaha menyiapkan kertas kerja ini.

Kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada En. Mohd. Yusoff bin Ramli, selaku Pengarah, Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu, Negeri Melaka, kerana telah memberikan sepenuh kerjasama. Begitu juga dengan kakitangan M.I.A.D.P., Jabatan Perikanan dan Jabatan Pertanian, yang turut sama menyumbangkan tenaga mereka. Moga segala jasa yang telah dicurahkan akan diberkati oleh Allah.

Akhir sekali, buat kedua ibu bapa kami yang telah memberikan sokongan moral, bantuan kewangan dan iringan doa restu, kami amat menyintai kalian. Moga kalian sentiasa berada di dalam kerahmatan Allah.

Terima kasih.

## ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji sejauh manakah MIADP telah membawa pembangunan di dalam sektor pertanian bagi beberapa jenis tanaman terpilih. Di samping itu juga ia mengkaji pertalian di antara sifat-sifat peserta dengan taraf pencapaian mereka. Di antara sifat yang dikaji ialah taraf penyertaan di dalam sebarang kursus pertanian, kepuasan terhadap kemudahan yang disediakan, paras aspirasi, darjah kepimpinan, taraf penerimaan amalan dan taraf perhubungan mereka.

Sejumlah 7% daripada responden telah ditemutanya bagi mendapatkan maklumat. Kawasan pertanian yang terpilih adalah terdiri dari kawasan Jasin, Merlimau dan Melaka Tengah bagi setiap jenis pertanian yang telah kami tetapkan terdahulu. Kesemua mereka ini adalah terdiri daripada peserta-peserta yang berdaftar di bawah M.I.A.D.P.

Hasil kajian membuktikan bahawa terdapatnya masalah dalaman peserta yang mana menyukarkan lagi perlaksanaan projek menuju ke matlamat asal. Kajian menunjukkan kesangsian wujud terutama dari segi keupayaan para peserta menjalankan sesuatu projek tanpa bantuan M.I.A.D.P., di dalam jangkamasa panjang. Masih kedapatan masalah untuk memasarkan hasil keseluruhan pertanian di pasaran dalaman.

Boleh disimpulkan bahawa matlamat M.I.A.D.P tercapai di dalam membawa pembangunan ke dalam sektor pertanian tetapi kedapatan unsur-unsur kegagalan terutamanya dari aspek dalaman yang merangkumi faktor sifat, sikap dan gerak laku yang menjadi pendorong kejayaan di dalam jangka panjang.

## KANDUNGAN

### MUKASURAT

PENGHARGAAN	i
SENARAI JADUAL	ii
SENARAI RAJAH	iv
ABSTRAK	vii
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.0: Pengenalan	1
1.1: Dasar Pertanian Negara	1
1.2: Perancangan Pembangunan Pertanian Berpadu(IADP)	3
1.3 Perancangan Pembangunan Pertanian Berpadu Negeri Melaka (MIADP)	5
1.4: Objektif Kajian	6
1.5: Andaian Dan Kepentingan Kajian	7
1.6: Metodologi	7
1.6.1: Data prima	7
1.6.2: Data sekunder	10
1.7: Penyata Masalah	11
BAB 2: PERANAN MIADP DALAM PEMBANGUNAN PERTANIAN NEGERI	
2.1: Latarbelakang MIADP	12
2.2: Struktur Organisasi	13
2.3: Objektif Projek	17
2.4: Strategi Perlaksanaan Projek	17
2.5: Program Projek	18
2.6: Agensi Perlaksanaan	20
2.7: Kemajuan Kewangan	21

MUKASURAT

BAB 3: TEORI PEMBANGUNAN TANI	
3.1: Teori Pembangunan Pertanian	22
3.2: Tindakan Kumpulan	24
BAB 4: PENILAIAN PRESTASI M.I.A.D.P.	
4.1: Prestasi Tanaman Koko Berdasarkan Penganalisaan Data	33
4.2: Prestasi Tanaman Pisang Mas Berdasarkan Analisa Data	51
4.3: Prestasi Ternakan Tenusu Berdasarkan Penganalisaan Data	74
BAB 5: KEBERKESANAN PROGRAM PEMBANGUNAN PERTANIAN M.I.A.D.P.	
5.1: Pembangunan Tanaman	93
5.2: Pembangunan Prasarana	97
5.3: Pembangunan Tenusu	100
5.4: Pembangunan Institusi	101
5.5: Perkhidmatan Sokongan	102
BAB 6: KESIMPULAN DAN SYOR-SYOR	109
LAMPIRAN	
BIBLIOGRAFI	